

Dr M makin sihat selepas pindah ke IJN

BH - 16/5/2007

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Langkawi, kelmarin, selepas mengadu sesak nafas dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini, menaiki pesawat khas, semalam.

Anak lelakinya, Datuk Mukhriz, berkata, Dr Mahathir yang dipindahkan ke IJN untuk menjalani rawatan dan pemeriksaan susulan, kini semakin stabil dan bertambah sihat.

"Beliau berada dalam keadaan sedar dan tidak mempunyai sebarang masalah pernafasan. Keadaannya sedang dipantau rapi doktor di Unit Rawatan Koronari (CCU) dan mungkin akan berada di IJN beberapa hari bagi memastikan beliau sihat sepenuhnya sebelum dibenarkan pulang," katanya di IJN, semalam.

Mukhriz berkata, sesak nafas yang dihadapi Dr Mahathir kelmarin mungkin disebabkan serangan jantung yang dialaminya sebelum ini yang akan menyerang sekali-sekala.

"Atas nasihat doktor, hanya keluarga terdekat dibenarkan melawat," katanya yang ditemani kakaknya, Datin Paduka Marina.

Beliau juga melahirkan penghargaan dan berterima kasih kepada semua pihak yang mendoakan Dr Mahathir segera sembuh.

Pesawat khas yang membawa Dr Mahathir berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada jam 11.30 pagi.

Sejurus tiba di IJN dengan sebuah ambulans dari Subang pada 1.15 petang, Dr Mahathir dibawa melalui pintu belakang hospital itu dan terus dimasukkan ke CCU.

Keadaan kecoh seketika apabila puluhan wartawan dan jurugambar yang menunggu sejak jam 11 pagi dihalang untuk mendekati ambulans yang membawa Dr Mahathir.

Dr Mahathir dibawa ke CCU dengan diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan dua anak mereka, Mukhriz dan Datuk Mokhzani serta Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Mohd Radzif Mohd Yunus.